

25/06/2003

Bukan suka-suka, cari pengalaman

Nor Affizar Ibrahim

TIDAK terhitung dengan jari! Sesak, berasak-asak dan menyesakkan!

Sesekali

bingit telinga dibuatnya. Senario itu antara yang dilihat pada Perhimpunan

Agung Umno ke-54, berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di Kuala Lumpur pada 17 hingga 21 Jun lalu.

Kehadiran pengunjung yang ramai memang sudah dijangka kerana perhimpunan

agung kali ini menyaksikan kali terakhir Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amanat selaku Presiden Umno.

Justeru, kehadiran perwakilan dan ahli Umno sekali gus bertambah dan dianggarkan melebihi 10,000 orang. Malah, ada yang menyewa bas untuk ke Kuala Lumpur semata-mata untuk menghadiri perhimpunan yang dianggap penting dan bermakna tahun ini.

Selain kehadiran perwakilan dan ahli Umno, PWTC turut dibanjiri orang ramai sama ada sebagai pemerhati, petugas, peniaga, pelancong dan juga pengunjung yang sekadar bertujuan meramaikan majlis perhimpunan.

Yang nyata, bermula pada hari perasmian penuh warna-warni dan meriah, suasana itu semakin rancak pada hari-hari terakhir. Pelbagai gelagat yang

dapat disaksikan dan ia menambahkan kemeriahan perhimpunan tahun ini.

Dengan adanya 232 gerai beroperasi yang disertai penyertaan buat julung

kali 22 sektor korporat dan badan kerajaan, menambahkan lagi kerancakan suasana. Begitu juga pameran Galeri Jatiwanita kali pertama diadakan yang

menyenaraikan himpunan kira-kira 200 tokoh wanita Melayu.

Selain itu, kegiatan kemasyarakatan lain seperti kempen derma darah, kutip derma untuk anak yatim dan keamanan yang turut menggamatkan senario

perhimpunan agung tahun ini.

Dan seperti perhimpunan sebelumnya, wanita pasti antara pengunjung setia

yang memenuhi PWTC - tidak kira sama ada muda mahupun tua. Malah, jumlah kehadiran mereka yang yang belasan tahun kini ramai berikutan bertambahnya

keahlian Puteri Umno.

Semangat dan kesungguhan wanita menghadiri perhimpunan itu memang dihargai. Lebih-lebih lagi, ada antaranya terpaksa menggendong anak kecil,

menggunakan bantuan peralatan untuk bergerak dan ada yang sarat mengandung

tetapi tetap tidak mahu menghadiri perhimpunan di PWTC.

Tetapi apakah tujuan dan matlamat sebenar kehadiran pengunjung berkenaan

khususnya, ahli dan perwakilan Umno sendiri? Adakah sekadar menjadi pengikut kepada parti, menghayati erti sebenar perjuangan parti dan mendengar pesanan pimpinan ataupun sekadar menghabiskan masa bagi sama-

sama memeriahkan perhimpunan.

Lazimnya, pandangan stereotaip dilemparkan kepada wanita yang menghadiri acara seperti itu ialah mereka ada agenda tersendiri, iaitu kegilaan atau keghairahan membeli-belah sepanjang perhimpunan itu. Maklum saja, ada pelbagai barang dijual termasuklah, baju, kain ela, perhiasan diri dan perhiasan rumah.

Untuk wanita yang datang dari jauh atau tinggal di luar Kuala Lumpur (KL) pula, ada persepsi menyatakan kehadiran mereka adalah mengambil kesempatan berjalan-jalan. Apabila ada rombongan diatitkan sempena perhimpunan, maka peluang direbut bagi memenuhi hasrat itu. Apa benarkah pandangan dan tanggapan seumpama itu?

Bagi Pengerusi Biro Pendidikan Wanita Umno Bahagian Bagan Serai, Perak, Faridah Shaharah, 49, berkata kehadiran beliau pada setiap kali perhimpunan Umno bukan sekadar mengikut saja tetapi ingin mencari pengalaman dan menambahkan pengetahuan.

"Jangan mudah buat andaian wanita yang datang dari jauh ini datang kerana hendak berjalan-jalan ke KL. Bagi saya, jika hendak cari hiburan saja, lebih baik tidak payah datang. Banyak masa lain yang lebih sesuai. Jika ada niat untuk berjalan-jalan atau cari hiburan lebih baik bagi peluang kepada orang lain," katanya tegas.

Faridah yang sudah dua tahun berturut-turut tidak menghadiri perhimpunan Umno berkata, peluang menjadi perwakilan dan pemerhati ke persidangan, memberinya kesempatan berjumpa dengan ahli Wanita Umno bahagian lain. Ia secara tidak langsung, membuka ruang kepadanya bertukar-tukar fikiran dan idea mengenai kegiatan yang boleh dirancang untuk parti pada masa mendatang.

"Banyak perkara lain juga yang dipelajari termasuk melihat sendiri bagaimana lancarnya sesuatu perjalanan majlis itu diatur. Nanti, apabila balik ke kampung dan mengaturkan majlis, jika ada idea bersesuaian bolehlah kita praktikkan," katanya yang datang rombongan satu van bersama 12 rakan lain, iaitu Wanita dan Puteri Umno, sejak hari pertama perhimpunan bermula.

Mengenai membeli-belah di bazar, Faridah berkata tidak ada salahnya jika ada kemampuan. Lagipun, barang yang dibeli boleh dijadikan buah tangan terutama bagi barang yang tidak ada dijual di tempatnya.

Urus Setia Perhubungan Umno Bahagian Sabah, Nomi Hamilah Opong, 31, pula berkata, beliau yang datang sebagai perwakilan Puteri Umno. Matlamat utama mencari pengalaman baru dan juga belajar secara langsung daripada pemimpin Wanita dan Pemuda Umno.

"Oleh kerana Puteri Umno entiti yang masih baru, banyak perkara yang perlu dipelajari lagi. Jadi, salah satu cara memantapkan kepemimpinan Puteri Umno ialah berkenalan terus dengan pemimpin yang sememangnya ramai hadir pada setiap kali perhimpunan," katanya.

Nomi yang sudah beberapa kali berpeluang menghadiri perhimpunan Umno berkata, sebagai ahli Umno tahun ini juga amat penting untuk menghayati amanat terakhir Dr Mahathir sebagai Presiden Umno. Katanya, ucapan yang dapat didengar secara langsung daripada pemimpin disanjung itu, boleh dijadikan pendorong meningkatkan semangat untuk terus aktif dan menyumbang untuk Umno.

Menyentuh pandangan stereotaip segelintir pihak mengenai sikap wanita yang gemar membeli-belah setiap kali perhimpunan, beliau sependapat dengan Faridah.

"Sesiapa saja bebas beri pandangan. Tetapi tidak salahkan beli barang yang kita suka. Macam kami yang datang dari Sabah dan jauh dari Kuala Lumpur, memanglah akan ambil kesempatan membeli-belah," katanya.

Pengerusi Biro Agama bahagian Gombak, Hawa Mohd Said, 45, berkata ibarat menyelam sambil minum air, itu memang sudah menjadi kelaziman di kalangan

kebanyakan pengunjung yang hadir setiap kali perhimpunan Umno diadakan.

"Kebanyakan yang berniaga adalah di kalangan Bumiputera, jadi elok juga kita beri sokongan. Bagi ahli atau perwakilan Umno mengambil peluang berjalan-jalan ke KL, janganlah dipersoalkan kerana mereka tinggal di luar

KL dan ada di antaranya tidak pernah datang ke PWTC, jadi elok juga datang

dan menyaksikan sendiri pembangunan negara," katanya.

Bagaimanapun, bagi Hawa sendiri yang memegang jawatan AJK dalam parti berkata, kehadirannya memang hendak tahu perkembangan politik di negara ini di samping, berkenalan dengan pemimpin negara ini.

Namun, berbeza dengan matlamat utama kehadiran Maria Abdul Ghani dari Taman Kosas, Ampang yang datang pada hari ketiga perhimpunan itu berlangsung. Kedatangannya ke PWTC ialah melihat pameran Galeri Jatiwanita.

"Ini kali pertama saya datang ke perhimpunan Umno. Tujuan utama saya adalah melihat pameran dan sudah kebetulan berada di sini, saya pun ambil

kesempatan untuk menyaksikan perhimpunan ini lebih dekat. Teringin juga bersimpuh sama duduk menghadap di skrin TV tetapi tidak jadi teruskan kerana saya tengok orang sentiasa ramai di situ," katanya yang datang ke situ atas dorongan diri sendiri dan ajakan rakan.

Kata Maria lagi, beliau memang sudah jangka ramai yang datang untuk ke perhimpunan itu tetapi agak terkejut apabila melihat ramai peniaga yang berniaga. Apatah lagi, ada pelbagai jenis perniagaan.

"Membeli-belah tidak mungkin tetapi boleh juga mencuci mata. Kebetulan saya juga berminat dalam perniagaan peruncitan dan kini menjadi usahawan secara kecil-kecilan, jadi bolehlah rebut peluang perniagaan yang ada. Lagipun, saya tengok kebanyakannya wanita yang berniaga, jika ada kesempatan boleh juga cari ruang lingkup," yang bercadang untuk datang lagi ke perhimpunan Umno tahun depan.